

Kempen Derma Darah Jadi Acara Tahunan Di Philea Resort and Spa

Oleh **SHAZZUAN SHAH MOHD SALEH**

AYER KEROH, 25 Mei - Philea Resort and Spa telah mengadakan kempen derma darah pertama bagi mewujudkan kesedaran tentang kepentingan menderma darah kerana ia mampu menyelamatkan nyawa orang lain.

Program tersebut telah diadakan di resort tersebut dengan kerjasama Hospital Besar Melaka, kelmarin

Program Tanggungjawab korporat sosial (CSR) tersebut merupakan salah satu aktiviti resort tersebut selaras dengan tujuh nilai yang diamalkan dimana salah satu dari nilai tersebut ialah "Care".

Pengarah Pemasaran Komunikasi Philea Resort & Spa Melaka, Connie Chin berkata, dia sangat berpuas hati dengan program berkenaan kerana ia berjalan dengan lancar dan mendapat kerjasama yang bagus dari kakitangan



Eksekutif Chef resort, Azmi Desa menunjukkan isyarat bagus semasa menderma darah

dan juga sukarelawan.

"Diharapkan dengan adanya program seperti ini mampu menggalakan orang ramai untuk menderma darah agar dapat memban-

tu pesakit yang memerlukan darah sekaligus menyelamatkan nyawa mereka.

"Kempen merupakan program kali pertama dan pihak kami



Beberapa kakitangan resort tersebut semasa menderma darah

bercadang untuk menjadikan ia aktiviti tahunan kerana sambutan yang diberikan amat baik.

"Lebih daripada 50 pain

darah telah dikumpulkan daripada kakitangan resort dan sukarelawan yang terlibat," katanya.